

## **MDEC Percepatkan Usaha Digitalisasi Untuk Sokong Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)**

**CYBERJAYA, 29 JUN 2021:** Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), agensi utama dalam memacu transformasi digital negara, akan mempercepatkan inisiatif pendigitalan yang telah dilaksanakan susulan pengumuman Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam. Pendigitalan pada masa ini merupakan keperluan yang sangat mustahak berikutan situasi semasa.

Berdasarkan perincian PEMULIH, MDEC akan memimpin peningkatan penggunaan teknologi digital dalam sektor pertanian AgTech supaya dapat memenuhi jaminan dan keselamatan makanan negara di samping menyediakan peluang pekerjaan. Pada masa sama, inisiatif ini juga bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup petani di Malaysia. Inisiatif Digital AgTech oleh MDEC ketika ini membabitkan program eLadang yang telah berjaya memanfaatkan 548 peserta sejak dilancarkan pada Disember 2019. Daripada jumlah ini, seramai 78 petani telah menggunakan teknologi pertanian digital yang menyaksikan peningkatan produktiviti sebanyak 20 peratus serta tambahan pendapatan mencecah 30 peratus di samping turut mengurangkan kos operasi sebanyak 30 peratus. Tiga makmal digital juga berjaya dibangunkan untuk melatih dan mendorong penggunaan teknologi digital dalam pertanian. Berikutan pengumuman Perdana Menteri semalam, MDEC akan meningkatkan kerjasama dengan pelbagai persatuan petani daerah untuk mendigitalkan dan mengubah industri pertanian.

MDEC juga akan memberi tumpuan kepada gig ekonomi melalui inisiatif eRezeki dan Global Online Workforce (GLOW) yang turut disebut dalam PEMULIH. eRezeki merupakan program yang membolehkan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah menjana pendapatan tambahan dengan melakukan tugas digital melalui platform dalam talian. Setakat ini, ia telah mencatatkan 460,000 pendaftaran dengan lebih daripada 339,000 peserta berjaya memperoleh pendapatan bernilai RM1.1 bilion. GLOW pula merupakan program yang diperkenalkan untuk membolehkan rakyat menjadi sebahagian daripada tenaga kerja global dalam talian secara bebas dan memperoleh pendapatan, telah berjaya melatih lebih 85,000 peserta. Berdasarkan data, lebih 54,000 telah memperoleh pendapatan keseluruhan RM232 juta.

Berhubung kempen *Go eCommerce* dan Shop Malaysia Online pula, inisiatif yang dipimpin MDEC ini telah mencatatkan pencapaian luar biasa menerusi kempen sulungnya pada tahun lalu dengan jualan keseluruhan mencecah RM1.87 bilion. Sehubungan itu, MDEC dengan sokongan Kementerian Kewangan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) meneruskan pelaksanaan inisiatif berkenaan pada tahun ini dengan menyasarkan untuk mencapai kesan yang lebih maksimum. Sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan untuk menyokong agenda digitalisasi dan mempromosikan penggunaan e-pembayaran serta menjadi pemangkin pertumbuhan berterusan sektor e-dagang negara. Sebelum ini kerajaan membuktikan komitmen dengan memperkenalkan Pelan Halatuju Strategik e-Dagang 2.0 (NESR 2.0) yang bertujuan untuk menerapkan penerimgunaan pendigitalan membabitkan 875,000 perniagaan tempatan serta meningkatkan jumlah aktiviti eksport e-dagang membabitkan 84,000 perniagaan. Ini bagi mencapai matlamat untuk menempatkan Malaysia sebagai pasaran e-dagang terbesar di rantau ASEAN-6 menjelang 2025, sejajar dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).

MDEC kini difokuskan sepenuhnya untuk mempercepat transformasi digital negara dan memperkukuhkan programnya secara menyeluruh untuk kepentingan rakyat dan negara, sejajar dengan matlamat Malaysia 5.0, iaitu mewujudkan negara yang sangat terintegrasi dengan teknologi bagi memberikan peluang digital yang adil kepada rakyat dan perniagaan.

#TAMAT#

### **Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menerajui transformasi digital negara sejak 25 tahun lalu. MDEC membawa agenda Malaysia 5.0, membolehkan negara diintegrasikan dengan teknologi secara mendalam, seterusnya menyediakan peluang-peluang digital yang adil dan saksama kepada rakyat dan perniagaan.

Bagi mencapai matlamat ini, MDEC memberi tumpuan kepada empat teras DIGITAL utama iaitu Kemahiran Baharu (*New skills*), Penerimaan (*Adoption*), Pengganggu (*Disruptors*) dan Pelaburan (*Investments*). Ini membentuk asas kepada kempen jenama digital NADI MDEC yang memacu program-program terasnya untuk rakyat, perniagaan dan para pelabur. MDEC mensasarkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya saing tinggi dari segi digital di peringkat global, berpandukan inklusif, kelestarian, dan kemakmuran bersama dan menetapkan asas yang kukuh untuk Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

**#Malaysia5.0 #NadiDigital #SayaDigital #MHODA #MyMDEC**

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut melalui inisiatif-inisiatif Ekonomi Digital MDEC, layari [www.mdec.my](http://www.mdec.my) atau ikuti kami di: Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/> Twitter: @mymdec

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Dashika Gnaneswaran - [dashika.gnaneswaran@mdec.com.my](mailto:dashika.gnaneswaran@mdec.com.my)

Simon Yap – [simon.yap@mdec.com.my](mailto:simon.yap@mdec.com.my)